



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan seperti berikut :

1. (a) **Jawatan/Gred** : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)**  
**Gred N19**
- (b) **Agensi** : Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran,  
Kementerian Sumber Manusia
- (c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana
- (d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pentadbiran dan Sokongan
- (e) **Penempatan** : W.P. Kuala Lumpur

2. **Jadual Gaji** : **N19**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM1,352.00	RM4,003.00

3. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan;  
[Gaji Permulaan : RM1,352.00]; atau
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil

Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

[Gaji Permulaan : RM1,408.40]; atau

iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

[Gaji Permulaan : RM1,464.80]; dan

iv) Keupujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan pembantu operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantik (PSL) ke jawatan Pembantu Tadbir Gred N19 apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

i) Mempunyai kelayakan di atas; atau

ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

iii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Deskripsi Tugas : (a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

- (b) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Perbadanan seperti tugas-tugas berkaitan permohonan pinjaman, penerimaan dokumen dan bayaran balik pinjaman.

6. Taraf Jawatan : **Tetap**
7. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
8. Elaun : (a) Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA);  
(b) Imbuan Tetap Perumahan (ITP); dan  
(c) Bantuan Sara Hidup (BSH).
9. Kemudahan : (a) Cuti Rehat; dan  
(b) Faedah Rawatan Perubatan Kerajaan.
10. Cara Memohon : (a) Permohonan secara online (atas talian) dengan melayari portal JobsMalaysia di alamat: [http://www.jobsmalaysia.gov.my.;](http://www.jobsmalaysia.gov.my;)  
(b) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga;  
(c) Calon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan semasa temu duga;  
(d) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temu duga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon;  
(e) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya; dan

- (f) Tarikh tutup permohonan :  
**10 Oktober 2019 (Khamis).**